



Aktiviti

1.2.5

Baca petikan di bawah dan jawab soalan yang berikut.



Kerajaan telah menyediakan program dan skim latihan pekerjaan untuk golongan terbabit seperti Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) iaitu satu projek tanggungjawab korporat sosial (CSR) bagi meningkatkan kebolehpasaran dan keupayaan graduan mendapatkan pekerjaan. Program SL1M dikelola Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri melalui kerjasama dan komitmen daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta seluruh negara. Fokus utama program ini adalah graduan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas yang belum mendapat pekerjaan, berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dan tinggal di luar bandar. Kerajaan menasaskan untuk melahirkan seramai 15,000 pelatih SL1M menjelang 2016 berbanding 10,000 pada tahun 2015. Statistik menunjukkan setakat ini sebanyak 210 syarikat swasta dan GLC yang menyertai SL1M terus komited dan pihaknya yakin jumlah itu dapat ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa dalam membantu meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui Program SL1M yang dijalankan oleh syarikat masing-masing.

*Dipetik dan diubah suai daripada petikan "Tangani masalah pengangguran",
Hamidah Badran, 7 Disember 2015, <http://www.hmetro.com.my/node/98428>*

- (a) Apakah jenis pengangguran yang boleh dikurangkan dengan program di atas?
- (b) Bagaimanakah program kerajaan ini mengurangkan pengangguran?
- (c) Jelaskan faedah yang dapat diperoleh oleh peserta melalui program ini. 🌸
- (d) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor menyebabkan graduan di Malaysia gagal mendapat pekerjaan? 🌸